

**SISTEM PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN  
DOKUMEN JABATAN KESIHATAN DAN LESEN MAJLIS  
PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH (MPJBT) BERASASKAN WEB**

**HARYANTI BINTI AB. JALIL**

**TESIS INI DISAMPAIKAN SEBAGAI MEMENUHI SYARAT  
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KOMPUTER)**

**Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat  
Universiti Teknologi Malaysia  
18 Nov 2005**

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani...*

*Khas buat mak Khatijah Binti Abdullah, abah Ab. Jalil Bin Haron, Bas, Baren, Kak Na,*

*Kak Win, Kak Exan, Abang Zaini dan Bahren.*

*Terima Kasih atas bimbingan dan nasihat...*

*Yanty sayang semua...*

*Kepada rakan-rakan seperjuangan semua, terutama sekali Anny, Ahken, Piz dan Eyda Terima Kasih*

*dan Tahniat!*

*Allah bless all of you.. Amin.*

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasullullah S.A.W. Dengan izin-Nya juga, Projek Sarjana Muda II ini dapat disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan.

Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan sekalung penghargaan ditujukan khas buat penyelia, Dr Ali Bin Selamat, di atas kesudian beliau meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, kesabaran beliau memberi perhatian, serta tunjuk ajar kepada saya amat saya hargai.

Tidak lupa juga kepada En. Yusof Bin Munawar dan kakitangan di Jabatan Kesihatan dan Lesen (MPJBT) kerana sanggup meluangkan masa untuk memberikan penerangan dan bantuan dalam menjayakan projek ini.

Khas buat mak Khatijah Binti Abdullah, abah Ab. Jalil Bin Haron serta ahli keluarga di atas doa, dorongan, bantuan dan nasihat yang diberikan. Sesungguhnya segala pengorbanan yang dilakukan amat saya hargai dan akan sentiasa dikenang. Juga kepada rakan-rakan yang banyak memberikan sokongan dan bantuan secara langsung dan tidak langsung, setinggi-tinggi penghargaan terima kasih saya ucapkan.

Akhir kata, semoga laporan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna kepada semua. Sesungguhnya yang baik datangnya daripada Allah S.W.T dan yang buruk datangnya dari kelemahan diri saya sendiri. Sekali lagi ucapan jutaan terima kasih saya kepada semua yang terlibat dalam menyumbangkan bantuan dan cadangan dalam menyiapkan laporan ini.

## **ABSTRAK**

Objektif utama pembangunan sistem ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pelanggan yang ingin memohon lesen perniagaan tanpa perlu ke kaunter permohonan. Sistem ini hanya akan merangkumi permohonan lesen perniagaan dan pengurusan dokumen di Jabatan Kesihatan dan Lesen. Sistem ini menggunakan pendekatan metodologi Rational Unified Process (RUP) bagi memudahkan proses pembangunan sistem manakala kaedah Unified Modelling Language (UML) dengan berasaskan rekabentuk berorientasikan objek telah digunakan bagi memodelkan sistem. Dengan adanya sistem ini, kecekapan aktiviti di Jabatan Kesihatan dan Lesen dalam memproses permohonan lesen dan menguruskan dokumen akan dapat ditingkatkan. Secara ringkas, projek ini telah berjaya membangunkan sistem permohonan lesen dan pengurusan dokumen berkomputer yang berupaya menggantikan sistem manual. Sistem ini membantu pihak Jabatan Kesihatan dan lesen menguruskan aktiviti jabatan dengan lebih teratur.

## **ABTRACT**

The main objective to build this system is to provide an easy way for the customer who is trying to apply for license yet needlessly for them to go to the counter. The systems will be focusing on document management at Health and License. Department and business license application. Rational Unified Process will be using as a methodology and Unified Modeling Language are using based on object designing. By having this system it will help the Health and License Department on managing their activities yet provided an efficiencies and reliable service.

**ISI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>i</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ii</b>
	<b>SENARAI ISTILAH</b>	<b>iii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>iv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>v</b>
<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan Projek</b>	<b>1</b>
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat	5
	1.4 Objektif	5
	1.5 Skop Projek	6
	1.6 Justifikasi/Kepentingan	8
	1.7 Ringkasan	9
<b>BAB II</b>	<b>Kajian Latarbelakang Masalah</b>	<b>10</b>
	2.1 Pendahuluan	10
	2.2 Latarbelakang Organisasi	11
	2.2.1 Objektif	11
	2.2.2 Piagam Pelanggan	12
	2.3 Analisa Masalah Terhadap Sistem Sedia Ada	13

2.3.1	Sistem Permohonan Lesen Perniagaan secara Manual	13
2.3.2	Kajian Sistem Berasaskan Web	15
2.4	Kajian Terhadap Sistem Sedia Ada	16
2.5	Sistem Sebagai Penyelesaian Masalah Sistem Semasa	17
2.6	Kajian Ke Atas Teknologi, Alatan dan Teknik yang Berkaitan	18
2.6.1	Aplikasi Atas Talian	18
2.6.2	PHP	19
2.6.3	MySql	20
2.6.4	Java Script	21
2.6.5	Macromedia Dreamweaver Ultradev 4	21
2.6.6	Unified Modeling Language (UML)	22
2.7	Ringkasan	23
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI PEMBANGUNAN</b>	<b>25</b>
3.1	Pendahuluan	25
3.2	Kajian Perbandingan	26
3.2.1	Model Prototaip	27
3.2.2	Model Peningkatan	28
3.2.3	<i>Model Rational Unifies Process (RUP)</i>	29
3.3	Metodologi Pembangunan Perisian	29
3.4	Kajian terhadap metodologi yang dipilih secara terperinci	30
3.4.1	Kitar Hayat Lelaran	30
3.4.1.1	Perancangan	31
3.4.1.2	Analisa keperluan	31
3.4.1.3	Analisa rekabentuk	31
3.4.1.4	Implementasi	32
3.4.1.5	Pengujian	32
3.4.2	Fasa-fasa model RUP	32

3.4.2.1	Fasa Perancangan	32
3.4.2.2	Fasa Penghuraian	33
3.4.2.3	Fasa Pembangunan	33
3.4.2.4	Fasa Peralihan	34
3.4.3	Kelebihan RUP	34
3.5	Analisa Keperluan Sistem	35
3.5.1	Spesifikasi Keperluan Perkakasan	36
3.5.2	Justifikasi Pemilihan Perkakasan	36
3.5.3	Spesifikasi Keperluan Perisian	37
3.5.4	Justifikasi Keperluan Perisian	38
3.5.5	Spesifikasi Input	42
3.5.6	Spesifikasi Output	43
3.6	Ringkasan	44
<b>BAB IV</b>	<b>HASIL ANALISIS DAN REKABENTUK</b>	<b>45</b>
4.1	Pendahuluan	45
4.2	Aliran Kerja Fasa Analisis Keperluan	45
4.2.1	Permodelan Use Case	46
4.2.1.1	Rajah Kes Guna Bagi Pengguna	47
4.2.1.1.1	Keterangan Aktor	47
4.2.1.1.2	Keterangan <i>Use</i> <i>Case</i>	48
4.2.1.2	Rajah Kes Guna Bagi Unit Perlesenan	49
4.2.1.2.1	Keterangan Aktor	50
4.2.1.2.2	Keterangan <i>Use</i> <i>Case</i>	50
4.2.1.3	Rajah Guna Kes Bagi Pentadbir	52
4.2.1.3.1	Keterangan Aktor	53
4.2.1.3.2	Keterangan <i>Use</i> <i>Case</i>	53



4.2.2	Gambarajah Aktiviti ( <i>Activity Diagram</i> )	55
4.3	Aliran Kerja Fasa Analisa	55
4.3.1	Rajah Jujukan	56
4.3.2	Rajah Kerjasama	56
4.4	Aliran Kerja Fasa Rekabentuk	56
4.4.1	Rekabentuk Perisian	57
4.4.1.1	Rekabentuk Senibina	57
4.4.1.2	Rekabentuk Terperinci	58
4.4.2	Rekabentuk Pangkalan Data	59
4.4.3	Rekabentuk Antaramuka	59
4.4.3.1	Keterangan Antaramuka	60
4.5	Ringkasan	61
<b>BAB V</b>	<b>PERLAKSANAAN DAN HASIL</b>	<b>62</b>
5.1	Pendahuluan	62
5.2	Persekitaran Pembangunan	62
5.3	Data	74
5.4	Hasil	74
5.5	Contoh Hasil Input/ Otput	75
5.6	Ringkasan	84
<b>BAB VI</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>85</b>
6.1	Pengenalan	85
6.2	Hasil dan Pencapaian	85
6.3	Masalah/Kelemahan Sistem	86
6.4	Cadangan Pembaikan/Peningkatan	87
6.5	Kesimpulan	88
	<b>RUJUKAN</b>	<b>89</b>
	<b>LAMPIRAN A-H</b>	<b>91-180</b>

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	Rajah Guna Kes Bagi Pengguna	47
4.2	Rajah Guna Kes Bagi Unit Perlesenan	49
4.3	Rajah Guna Kes Bagi Pentadbir	52
4.4	Rajah Antaramuka Utama Sistem	60
4.5	Rajah Pendaftaran Pelanggan	60
4.6	Rajah Antaramuka Log Masuk	61
5.1	Rajah Ikon Pemasangan PHPTriad 2.2.1	63
5.12	Rajah Paparan Antaramuka Lesen Perjanjian	63
5.13	Rajah Selesai Pemasangan	64
5.2	Rajah Ikon Setup	64
5.21	Rajah Persediaan Pemasangan	65
5.22	Rajah Pemasangan Dreamweaver MX 2004	65
5.23	Rajah Paparan Antaramuka Lesen Perjanjian	66
5.24	Rajah Paparan Antaramuka Pemilihan Lokasi Pemasangan	66
5.25	Rajah Pemilihan Editor	67
5.26	Rajah Review Pemasangan	67
5.27	Rajah Status Pemasangan	68
5.28	Rajah Selesai Pemasangan	68
5.8	Rajah Navigasi Halaman Utama Sistem	75
5.9	Rajah Paparan Antaramuka Log Masuk	76
5.11	Rajah Skrin Utama Log Masuk Sah	78
5.18	Rajah Senarai Muat Naik Dokumen	84

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Spesifikasi Perkakasan	36
3.2	Spesifikasi Keperluan Perisian	37
3.3	Spesifikasi Input	42
3.4	Spesifikasi Output	43
4.1	Keterangan Aktor	47
4.2	Keterangan <i>Use Case</i>	48
4.3	Keterangan Aktor	50
4.4	Keterangan <i>Use Case</i>	50
4.5	Keterangan Aktor	53
4.6	Keterangan <i>Use Case</i>	53

**SENARAI ISTILAH****BAHASA MELAYU**

Kes Guna

Aktor

Rajah Jujukan

Rajah Kerjasama

Rajah Aktiviti

**BAHASA INGGERIS***Use Case**Actor**Sequence Diagram**Collaboration Diagram**Activity Diagram*

**SENARAI SINGKATAN**

MPJBT	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
RUP	<i>Rational Unified Process</i>
UML	<i>Unified Modelling Language</i>
WAN	Rangkaian Kawasan Meluas
LAN	Rangkaian Kawasan Setempat
TCP/IP	<i>Transmission Control Protocol/Internet Protocol</i>
HTTP	<i>Hypertext Transfer Protocol</i>
IP	<i>Internet Protocol</i>
PHP	<i>Hypertext Preprocessor</i>
PWS	<i>Personal Web Server</i>
HTML	<i>Hypertext Markup Language</i>
SQL	<i>Selected Query Language</i>
SDLC	<i>Software Development Life Cycle</i>
RUP	<i>Model Rational Unified Process</i>
GUI	<i>Graphic User Interface</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Kajian Literatur Sistem Manual	91-93
B1	Carta Gantt PSM 1	94
B2	Carta Gantt PSM 2	95-96
C	Model RUP	97
D	Dokumen Keperluan Perisian (SRD)	98-148
E	Dokumen Rekabentuk Perisian (SDD)	149-155
F	Soalan Temubual/Biodata Pegawai yang dihubungi.	156-157
G	Dokumen Pengujian Unit Perisian (STUD)	158-161
H	Manual Pengguna	162-180

# **BAB I**

## **PENGENALAN PROJEK**

### **1.0 Pendahuluan**

Sistem Permohonan Lesen Perniagaan dan Pegurusan Dokumen di Jabatan Kesihatan dan Lesen, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) Berasaskan Web yang telah dibangunkan ini merupakan satu sistem yang diperlukan bagi melakukan aktiviti permohonan dan pengurusan kelulusan lesen. Ia juga dapat membantu kakitangan dalam melakukan aktiviti pengurusan dokumen rasmi jabatan.

Sistem Permohonan Lesen Perniagaan dan Pegurusan Dokumen ini merupakan sebuah perisian berasaskan web yang menggunakan teknologi internet di mana sistem ini boleh dicapai di dalam lingkungan yang tidak terhad. Sistem ini dibangunkan berdasarkan teknologi berasaskan web dimana setiap capaian maklumat ke atas pangkalan data hanya dibenarkan dengan menggunakan kata laluan. Perisian ini dibangunkan adalah untuk sistem

pengoperasian Windows 2000 dan ke atas. Untuk proses pembangunan, perisian yang diperlukan adalah Macromedia Dreamweaver, Macromedia FlashMX, MySQL, TextPad dan Adope Photoshop serta menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan HTML.

Penerangan yang lebih lengkap mengenai Sistem Permohonan Lesen Perniagaan dan Pegurusan Dokumen di Jabatan Kesihatan dan Lesen, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) Berasaskan Web akan diberikan dalam kajian kes di Jabatan Kesihatan dan Lesen Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah. Ia meliputi latar belakang masalah, pernyataan masalah, matlamat, objektif, dan skop projek untuk sistem ini.

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Idea untuk membangunkan aplikasi ini timbul daripada beberapa masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kesihatan dan Lesen antaranya masalah dalam pemprosesan, pertimbangan dan proses pengeluaran lesen baru serta papan iklan ke atas pelbagai jenis lesen perniagaan. Fokus utama sistem ini adalah Permohonan Lesen Perniagaan Kedai Makan. Disebabkan ada sesetengah permohonan yang dibuat secara manual dengan mengisi borang secara tidak lengkap menyebabkan permohonan pemohon tidak dapat diproses. Kebiasaanya, setelah pemohon memohon lesen perniagaan, pertimbangan terhadap syarat- syarat kelulusan bagi mendapatkan lesen perniagaan akan dilakukan dimana proses pertimbangan ini biasanya memakan masa yang agak lama disebabkan pertimbangan terpaksa dibuat



secara manual. Selain itu, pengurusan secara manual juga memerlukan pemohon lesen perniagaan pergi ke Jabatan Kesihatan dan Lesen (MPJBT), bagi mengisi borang secara manual. Dengan wujudnya sistem yang bakal dibangunkan ini sekurang-kurangnya ia dapat memudahkan pemohon lesen bagi melakukan permohonan lesen perniagaan.

Selain itu, pihak pengurusan dan kakitangan menghadapi masalah dalam aktiviti pengurusan dokumen dimana ianya masih dilakukan secara manual. Kaedah ini biasanya memakan masa yang lama untuk dicapai sekiranya dokumen ini diperlukan dengan segera, jadi dengan adanya sistem yang bakal dibangunkan ini sekurang-kurangnya dapat membantu melancarkan aktiviti pengurusan dokumen rasmi jabatan.

Secara keseluruhan masalah yang telah dikenalpasti membabitkan dua pihak iaitu pihak pengurusan jabatan dan juga pihak pelanggan iaitu pemohon-pemohon lesen perniagaan. Masalah-masalah yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa satu sistem berasaskan web dan berkomputer yang dapat membantu dalam pengurusan permohonan lesen perniagaan dan juga pengurusan dokumen rasmi jabatan diperlukan sejajar dengan salah satu objektif Jabatan Kesihatan dan Lesen iaitu *'Memastikan Pengurusan Unit Perlaksanaan berfungsi dengan baik dan teratur mengikut prosedur dan standard kualiti yang ditetapkan'*.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Merujuk kepada pernyataan masalah yang telah dinyatakan, terdapat beberapa masalah yang dikenalpasti dalam sistem semasa. Justeru, timbul satu persoalan utama “Bagaimana Sistem Permohonan Lesen Perniagaan dan Pegurusan Dokumen di Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), Jabatan Kesihatan dan Lesen Berasaskan Web dapat mengatasi masalah yang dihadapi?”

Persoalan tambahan yang dinyatakan untuk menyokong persoalan utama di atas. Persoalan-persoalan tersebut adalah:

- i. Bolehkan sistem cadangan ini memudahkan proses permohonan lesen perniagaan kedai makan kepada pihak pelanggan?
- ii. Bolehkah sistem cadangan ini melakukan proses pertimbangan bagi permohonan lesen perniagaan dengan jangkamasa yang lebih singkat?
- iii. Bolehkan proses pertimbangan dan proses pengurusan dokumen dilakukan dengan lebih berkesan dan cekap?
- iv. Sejauh mana sistem ini dapat membantu pihak pentadbiran dalam usaha memproses dan mempertimbang lesen perniagaan serta menguruskan dokumen rasmi jabatan berbanding sistem sebelumnya?
- v. Sejauh manakah tahap penerimaan pengguna terhadap sistem yang akan dibangunkan?
- vi. Dapatkan sistem yang akan dibangunkan ini membantu pemohon lesen perniagaan dalam proses penyemakan status permohonan lesen?

- vii. Dapatkan sistem pengurusan dokumen membantu dalam memudahkan pihak pengurusan dan kakitangan syarikat dalam pengurusan dokumen rasmi syarikat?

### **1.3 Matlamat**


Matlamat projek ini adalah untuk menghasilkan satu aplikasi atas talian yang dapat memudahkan pemohon lesen perniagaan dalam permohonan lesen perniagaan serta menyemak status kelulusan dan membantu Pihak Pengurusan dan kakitangan di Jabatan Kesihatan dan Lesen Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) dalam memproses dan mempertimbangkan lesen perniagaan serta melakukan aktiviti pengurusan dokumen rasmi jabatan bagi menggantikan sistem manual sedia ada.

### **1.4 Objektif**

Bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, projek ini akan dilaksanakan berdasarkan objektif-objektif yang telah dikenalpasti iaitu:

- i. Membolehkan pihak Pentadbir dan Unit Perlesenan menguruskan dokumen maklumat perlesenan Jabatan Kesihatan dan Lesen secara atas talian.

- ii. Membolehkan pemohon lesen perniagaan yang berdaftar membuat bayaran dan menyemak status kelulusan lesen perniagaan secara atas talian.
- iii. Membangun dan menguji Sistem Permohonan dan Pengurusan Dokumen Rasmi Jabatan Kesihatan dan lesen.



**Rajah 1: Penerangan ringkas Aliran Kerja**

## 1.5 Skop Projek

Berikut merupakan skop dan kekangan yang telah dikenalpasti:

- i. Sistem yang dibangunkan ini adalah bagi kegunaan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT).

- ii. Bahagian sistem yang dibangunkan adalah untuk kegunaan Jabatan Kesihatan dan lesen.
- iii. Membina fungsi sistem untuk pihak pengurusan:
  - 1. Muat Naik dokumen yang berkaitan dengan Jabatan.
  - 2. Mencapai dokumen yang berkaitan dengan jabatan.
  - 3. Mengemaskini dokumen rasmi jabatan.
  - 4. Menghapus dokumen yang dingini.
  - 5. Mempertimbang status kelulusan berdasarkan pemilihan kelayakan pemohon.
  - 6. Menyimpan maklumat pemohon yang berjaya.
  - 7. Mencapai data pemohon untuk semakan.
  - 8. Mengemaskini data pemohon dan maklumat perlesenan.
  - 9. Menghapuskan data yang dikehendaki.
  - 10. Manjana Laporan kutipan hasil Majlis melalui lesen-lesen.
- iv. Membina fungsi sistem untuk pelanggan:
  - 1. Mendaftar ke dalam sistem.
  - 2. Memohon lesen perniagaan.
  - 3. Membuat bayaran.
  - 4. Membuat semakan status kelulusan.
  - 5. Melakukan aktiviti Pengurusan Mesej.

## **1.6 Justifikasi dan Kepentingan Projek**

Kajian bagi projek ini adalah penting bagi mencari penyelesaian bagi masalah permonan lesen, pertimbangan permohonan lesen dan pengurusan dokumen di Jabatan Kesihatan dan Lesen Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT). Sistem yang akan dibangunkan diharapkan dapat memberi kebaikan kepada pihak pengurusan dari segi kecekapan dalam pemprosesan dan pertimbangan lesen perniagaan terutama bagi memendekkan jangkamasa pertimbangan lesen. Selain itu dapat memudahkan pihak pengurusan dan kakitangan jabatan dalam melakukan aktiviti pengurusan dokumen rasmi jabatan. Segala maklumat pelanggan dan dokumen rasmi jabatan dapat dicapai di mana jua dengan adanya sistem berasaskan web ini. Sistem ini juga diharapkan dapat memudahkan pihak pelanggan dalam proses permohonan lesen perniagaan serta melakukan penyemakan status permohonan lesen secara atas talian.

Kepentingan projek ini merangkumi dua aspek utama iaitu kepentingan organisasi dan pengguna.

### **1.6.1 Kepentingan Organisasi**

- i. Memudahkan pihak pengurusan dan kakitangan jabatan melakukan aktiviti pengurusan dokumen rasmi jabatan.
- ii. Dapat memudahkan proses permohonan dan pertimbangan lesen.

- iii. Membolehkan data pelanggan dan dokumen maklumat perlesenan disimpan dan dikemaskini pada bila-bila masa.

### **1.6.2 Kepentingan Pengguna**

- i. Sistem Permohonan Lesen Perniagaan di Jabatan Kesihatan dan Lesen yang akan dibangunkan akan memudahkan pengguna membuat pendaftaran secara atas talian.
- ii. Sistem ini membenarkan pengguna menyemak status kelulusan lesen pada bila-bila masa tidak mengira waktu dan tempat.

### **1.7 Ringkasan**

Kesimpulannya, pendedahan mengenai projek dan pernyataan objektif sistem telah diberikan dalam bab ini. Selain itu masalah yang dihadapi oleh sistem sedia ada di Jabatan Kesihatan dan Lesen juga dapat diketahui. Oleh itu sistem yang bakal dibangunkan ini diharapkan dapat digunakan pemohon lesen perniagaan dan juga pihak pengurusan dan kakitangan jabatan dalam menguruskan aktiviti harian dengan lebih lancar dan sistematik.